

NO. KAD PENGENALAN /
NO. SIJIL KELAHIRAN

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

ANGKA GILIRAN

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

PEPERIKSAAN PERCUBAAN 1

UPSR

SAINS

KERTAS 1

2016

1 Jam

018/1

Satu jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan objektif.*
2. *Jawab semua soalan*

Kertas soalan ini mengandungi 17 halaman bercetak

018/1

SULIT
[Lihat halaman sebelah
SAINS K1 PERCUBAAN 1 THN 6 2016

1. Rajah 1 menunjukkan empat jenis objek, P, Q, R dan S.




P



Q



R



S

Rajah 1

Antara berikut, pernyataan manakah yang betul tentang objek-objek di atas?

- A. Objek P, R dan S akan bertumbuh.
 - B. Objek Q dan R memerlukan udara untuk bernafas.
 - C. Objek R dan S mengeluarkan gas karbon dioksida sebagai bahan kumuh..
 - D. Objek P dan Q adalah benda hidup dan R dan S adalah bukan benda hidup.
2. Rajah 2 menunjukkan satu aktiviti gotong-royong .




Rajah 2

Bagaimanakah kegiatan di atas dapat menjamin kesihatan diri dan keluarga?

- A. Persekitaran yang bersih membolehkan manusia hidup dengan aman.
- B. Amalan kebersihan membolehkan manusia mendapat makanan seimbang .
- C. Udara yang bersih akan membantu diri dan keluarga membesar dengan sihat.
- D. Persekitaran rumah yang bersih boleh menghalang pembiakan nyamuk aedes.

3. Rajah 3 menunjukkan gigi sejenis haiwan.



Rajah 3

Manakah antara haiwan-haiwan berikut memiliki set gigi seperti di rajah ?

- A. Ayam.
- B. Harimau.
- C. Kambing.
- D. Cimpazi.

4. Rajah 4 menunjukkan keadaan dua orang yang mengalami penyakit yang berbeza.



Obesiti




Kwashiorkor

Rajah 4

Bagaimanakah kedua-dua keadaan di atas boleh dielakkan ?

- A. Mengamalkan cara pemakanan yang berlemak dan bergula tinggi.
- B. Mengambil diet pemakanan yang seimbang dan mencukupi setiap hari.
- C. Mengurangkan pengambilan makanan untuk mencapai berat badan ideal.
- D. Mengambil pil dan ubatan yang boleh membantu pertumbuhan dan tumbesaran .

5. Rajah 5 menunjukkan satu situasi di mana dua ekor singa yang berebut kawasan di dalam sebuah zoo terbuka.



Rajah 5

Bagaimanakah kejadian ini dapat dielakkan daripada berlaku ?

- A. Memberikan makanan yang sedikit.
 - B. Menyediakan kawasan yang berasingan.
 - C. Meletakkan pasangan mereka bersama-sama di dalam zoo tersebut .
 - D. Menanam lebih banyak pokok besar bersesuaian dengan habitat semula jadinya.
6. Rajah 6 menunjukkan sebatang pokok yang diletakkan di dalam bilik Luqman.



Rajah 6

Ramalkan apakah yang akan berlaku jika pokok tersebut dipindahkan ke bawah sebatang pokok besar yang rendang dan rimbun di halaman rumahnya?

- A. Tumbuh subur.
- B. Pokok itu akan layu.
- C. Tumbuh tidak subur.
- D. Pokok itu akan mati.

7. Rajah 7 menunjukkan sejenis alat yang digunakan oleh Alif untuk memerhati pergerakan mikroorganisma.



Rajah 7

Susun langkah-langkah berikut mengikut urutan yang betul yang diambil oleh Alif semasa menjalankan kajiannya.

- P – Titiskan air kolam di atas slaid dan tutup dengan sisip kaca
- Q – Perhatikan pergerakan mikrob dan lakarkan bentuknya
- R – Gunakan penitis untuk mengambil air kolam daripada bikar
- S – Laraskan kanta mikroskop sehingga dapat imej yang jelas

- A. R, P, S, Q
- B. Q, R, P, S
- C. R, S, P, Q
- D. S, Q, P, R

8. Antara berikut, yang manakah cara yang betul bagi haiwan bertelur memastikan kemandirian spesiesnya?

- A. Membawa anak dalam kantung, menyusukan anaknya, menyerang musuh.
- B. Menyembunyikan telur, mengeram telur, menyusukan anaknya.
- C. Menyusukan anaknya, menjaga telur, bertelur dengan banyak.
- D. Telur berlendir, mengeram telur, menimbus telur dalam pasir.

9. Apakah yang dimaksudkan dengan simbiosis dalam keadaan parasitisme?

- A. Membawa kebaikan kepada kedua-dua haiwan.
- B. Memberi manfaat kepada satu pihak sahaja tetapi merugikan pihak yang lain.
- C. Hanya memberikan manfaat kepada satu pihak sahaja manakala pihak yang satu lagi tidak mendapat sebarang kesan.
- D. Memberikan manfaat kepada satu pihak dan satu pihak yang lain akan mendapat musuh yang terpaksa dilawannya.

10. Persatuan Sains sekolah telah menganjurkan satu pertandingan membina model jambatan kertas. Sebuah jam pasir telah digunakan oleh penganjur untuk mengukur masa pertandingan. Mengapakah alat tersebut telah dipilih oleh mereka?
- Kerana alat ini adalah mesin ringkas.
 - Kerana alat ini senang dibuat oleh penganjur.
 - Kerana alat ini boleh berulang secara seragam.
 - Kerana alat ini merupakan alat kuno yang boleh menyukat masa dengan tepat.
11. Pernyataan berikut menunjukkan kadar bilangan penduduk yang menggunakan pelbagai jenis sumber tenaga di dalam sebuah bandar.

9500 orang penduduk menggunakan tenaga elektrik untuk kegunaan domestik dan perindustrian yang diperolehi daripada Jana kuasa hidroelektrik. 60 orang penduduk menggunakan generator untuk membekalkan tenaga elektrik kepada pam udara, 20 orang penduduk menggunakan sel suria bagi membekalkan tenaga elektrik dan 8500 orang penduduk menggunakan bateri untuk telefon bimbit berfungsi.

Antara berikut, jadual manakah yang betul mewakili bilangan penduduk yang menggunakan sumber tenaga elektrik bagi pernyataan di atas?

A.

Jenis sumber tenaga	Genarator	Jana kuasa hidroelektrik	Sel suria	Bateri
Bilangan penduduk	9500	8500	60	20

B.

Jenis sumber tenaga	Jana kuasa hidroelektrik	Genarator	Sel suria	Bateri
Bilangan penduduk	9500	8500	60	20


C.

Jenis sumber tenaga	Genarator	Jana kuasa hidroelektrik	Sel suria	Bateri
Bilangan penduduk	60	9500	20	8500

D.

Jenis sumber tenaga	Genarator	Jana kuasa hidroelektrik	Sel suria	Bateri
Bilangan penduduk	20	8500	20	9500


12. Rajah 8 menunjukkan objek M yang sering digunakan untuk mengelakkan tangan daripada kekotoran.



Rajah 8

Mengapakah saiz objek M jauh lebih kecil daripada saiz sebenar tangan pengguna?

- A. Kerana objek M adalah objek pakai buang.
 - B. Kerana objek M licin dan senang digunakan.
 - C. Kerana bahan bagi objek M bersifat kalis air.
 - D. Kerana bahan bagi objek M adalah bersifat kenyal.
13. Hilmi menjalankan satu eksperimen untuk menentukan objek-objek yang boleh menyalakan mentol. Setelah setengah jam eksperimen dijalankan, didapati nyalaan mentol yang diperhatikannya semakin malap. Kenapa ?
- A. Mentol telah kehilangan kuasa.
 - B. Sel kering telah semakin kekurangan kuasa.
 - C. Wayar penyambung telah menjadi semakin nipis.
 - D. Objek yang digunakan menyerap tenaga elektrik yang terhasil.
14. Rajah 9 menunjukkan sebuah objek L. Kertas petak segi empat sama bersisi 1 cm digunakan untuk mengukur objek L.



Rajah 9

Antara berikut, objek yang manakah boleh diukur dengan menggunakan kaedah yang sama?

- A. jubin.
- B. pinggan.
- C. buku tulis.
- D. Kotak pensel.

15. Rajah 10 menunjukkan peratusan penjanaan tenaga elektrik oleh Tenaga Nasional Berhad dalam satu tahun daripada tiga jenis sumber.



Air
35%



Gas asli
40%



Petroleum
25%

Rajah 10

Berdasarkan maklumat di atas, mengapakah penjanaan tenaga daripada sumber air perlu dipertingkatkan ?

- A. Bekalan sumber air sentiasa ada.
 B. Kos bagi sumber bahan api fosil adalah tinggi.
 C. Kos untuk membina loji dan menjana sumber air adalah rendah.
 D. Perkembangan teknologi penjanaan sumber air dunia semakin maju.
16. Seekor arnab peliharaan Hazimie telah memasuki rumah jirannya. Apakah alat yang sesuai digunakan untuk mengesan kedudukan arnabnya dari tembok pagar yang tinggi?
- A. Binokular.
 B. Teleskop.
 C. Periskop.
 D. Cermin.
17. Satu penyiasatan mengenai kelajuan telah dijalankan oleh sekumpulan murid tahun 6 ke atas dua kereta mainan P dan Q di atas permukaan simen. Jadual 1 menunjukkan keputusan penyiasatan.


Kereta mainan	Kelajuan kereta mainan
P	5 m/s
Q	7 m/s

Jadual 1

Ramalkan kelajuan kereta mainan P jika bergerak di atas rumput dan kereta mainan Q jika bergerak di atas mozek

	Kereta mainan P	Kereta mainan Q
A.	5 m/s	7 m/s
B.	3 m/s	10 m/s
C.	10 m/s	3 m/s
D.	7 m/s	5 m/s

18. Ramai murid mudah tergelincir apabila melalui kaki lima bangunan sekolah yang basah akibat tempas hujan. Bagaimanakah risiko kejadian itu dapat dikurangkan ?
- Menggunakan payung.
 - Memakai selipar getah.
 - Menggunakan kasut yang sepadan dengan kakinya.
 - Memastikan kasut yang dipakai banyak corak pada tapaknya.
19. Aniq ingin membawa segelas air panas dan beberapa ketul ais dari kantin ke bilik sains. Apakah cara terbaik yang boleh dilakukan oleh Aniq untuk melambatkan penurunan suhu air panas dan mengelakkan ais daripada melebur?
- Meletakkan kedua-duanya di dalam satu termos.
 - Membalut kedua-duanya dengan satu tuala yang besar.
 - Berlari dari kantin ke bilik sains supaya lebih cepat sampai .
 - Meletakkan kedua-duanya di dalam termos yang berasingan.
20. Rajah 11 menunjukkan dua objek yang ditemui oleh Natasya semasa dia membersihkan persekitaran rumahnya. Dia mendapati objek-objek tersebut telah diselaputi lapisan berwarna keperangan.



Rajah 11

Antara pernyataan berikut, manakah yang benar tentang pemerhatian Natasya?

- Objek itu kelihatan masih kuat.
 - Objek itu adalah daripada bahan besi yang dicat.
 - Objek itu adalah daripada bahan besi yang terdedah.
 - Objek itu adalah daripada bahan aluminium yang dikitar semula.
21. Jadual 2 menunjukkan tiga kumpulan bahan, I, II dan III.


I	II	III
Dakwat	Oksigen	X
Darah	Wap air	Y
Sirap	Asap	Z

Jadual 2

Manakah antara berikut adalah betul bagi mewakili X?

- Pasir.
- Awan.
- Embun.
- Karbon dioksida

22. Rajah 12 menunjukkan sebuku mentega yang terpaksa dikeluarkan dari sebuah peti sejuk yang rosak.



Rajah 12

Apakah cara yang patut dilakukan supaya keadaan jirim mentega pada rajah dapat dikekalkan dan masih baik bagi digunakan untuk membuat kek pada keesokan harinya?

- A. Taburkan garam.
B. Letak dalam termos.
C. Bungkus dengan kertas.
D. Balut dengan kerajang aluminium.
23. Kejadian kitaran air semula jadi berlaku hasil daripada proses-proses perubahan keadaan jirim. Manakah antara berikut adalah urutan yang betul bagi keadaan jirim semasa kejadian kitaran air semula jadi?
- A. Gas. → cecair → gas
B. Pepejal → cecair → gas
C. Cecair → gas → cecair
D. Gas → cecair → pepejal
24. Manakah antara berikut adalah betul menerangkan sifat kimia alkali?
- A. Bahan rasanya masam dan menukarkan warna kedua-dua kertas litmus.
B. Bahan yang rasanya pahit dan menukarkan kertas litmus biru menjadi merah.
C. Bahan yang tiada rasa dan tidak menukarkan warna kedua-dua kertas litmus.
D. Bahan yang licin apabila disentuh dan menukarkan kertas merah menjadi biru.
25. Rajah 13 menunjukkan sejenis minuman yang telah melalui satu proses pengawetan.



Rajah 13

Apakah ciri khas proses pengawetan yang dilalui pada minuman pada rajah yang membolehkannya dapat bertahan lebih lama?

- A. Ditambahkan dengan gula.
B. Dicampurkan dengan garam.
C. Dipanaskan dan disejukkan segera.
D. Keringkan dan keluarkan segera udara.

26. Satu penyiasatan untuk menguji tempoh ketahanan sejenis makanan Z yang diawet dengan tiga kaedah yang berbeza. Jadual 3 menunjukkan keputusan penyiasatan.


Kaedah pengawetan	Tempoh ketahanan makanan Z
Pengetinan	2 tahun
Penjerukan	10 bulan
Pendinginan	3 minggu

Jadual 3

Manakah antara carta palang berikut adalah betul mewakili jadual 3?


A.

Tempoh ketahanan makanan Z




B.

Tempoh ketahanan makanan Z




C.

Tempoh ketahanan makanan Z



D.

Tempoh ketahanan makanan Z




27. Manakah antara berikut adalah cara untuk mengendalikan surat khabar lama secara mesra alam?

- A. Kitar semula.
- B. Guna semula.
- C. Alirkannya ke loji kumbahan.
- D. Sediakan kolam pengumpulan sisa toksik.

28. Satu penyiasatan untuk menguji kesesuaian tiga jenis tanah yang akan digunakan untuk menanam pokok padi. Rajah 14 menunjukkan bagaimana penyiasatan tersebut dijalankan.

Sejumlah 100 ml air dituangkan melalui jenis tanah yang diuji



Rajah 14

Jadual 4 berikut menunjukkan keputusan bagi penyiasatan tersebut.

Jenis tanah	Isi padu air yang terkumpul dalam masa 10 minit (ml)
X	100
Y	46
Z	0

Jadual 4

Untuk tumbuh subur, padi memerlukan banyak air semasa di peringkat anak pokok. Manakah antara berikut adalah jenis tanah yang sesuai digunakan?

	Peringkat anak pokok
A.	X dan Z
B.	Y dan Z
C.	X dan Y
D.	Z sahaja


29. Berikut adalah maklumat mengenai objek-objek X, Y dan Z yang terdapat dalam sistem suria.

X adalah batuan logam pelbagai saiz yang mengorbit Matahari di antara Y dan Z dengan kelajuan berbeza.

Manakah antara berikut adalah betul mewakili X, Y dan Z?

	X	Y	Z
A.	Bumi	Bulan	Meteor
B.	Asteroid	Marikh	Musytari
C.	Zuhal	Utarid	Komet
D.	Meteoroid	Bintang	meteorit

30. Rajah 15 menunjukkan sebahagian daripada planet-planet dalam sistem suria.



Rajah 15

Manakah antara berikut akan berlaku, jika Utarid dan Bumi bertukar kedudukan?

- A. Utarid akan menjadi lebih panas daripada Bumi.
 - B. Kelajuan putaran di atas paksi Bumi lebih pantas daripada Utarid.
 - C. Tempoh Utarid mengambil masa mengorbit Matahari lebih lama daripada Bumi.
 - D. Akan terdapat lebih ramai hidupan di Bumi berbanding dengan di Utarid.
31. Jadual 5 menunjukkan catatan arah bayang-bayang bagi sebatang tiang gol bola jaring di padang sekolah yang direkodkan dalam satu penyiasatan pada satu hari.


Masa	8.00am	10.00am	12.00pm	2.00pm	4.00pm
Arah bayang-bayang	barat	barat	-	timur	timur

Jadual 5

Berdasarkan keputusan di jadual 5, apakah kesimpulan yang terbaik bagi penyiasatan tersebut?


- A. Bumi berputar di atas paksinya.
- B. Bayang-bayang bergerak dari barat ke timur.
- C. Bayang-bayang berlaku kerana putaran bumi.
- D. Bumi berputar di atas paksinya dari barat ke timur.

32. Sekumpulan murid telah ditugaskan untuk menjalankan penyiasatan mengenai fasa Bulan. Rajah 16 menunjukkan tiga buah objek yang akan mereka gunakan dalam penyiasatan itu.



Rajah 16


Jika murid-murid itu ditugaskan untuk mengadakan simulasi bagi fasa Bulan Sabit, manakah antara berikut adalah kedudukan yang betul bagi objek-objek di rajah 16?



33. " *M* ialah sekumpulan bintang-bintang yang membentuk suatu corak tertentu yang dilihat muncul di angkasa pada waktu malam. "

Apakah bidang-bidang yang mendapat manfaat kepada manusia di zaman purba hasil daripada pemerhatian terhadap *M* ?


- A. Pertanian dan pengangkutan.
 B. Pengangkutan dan komunikasi.
 C. Perubatan dan pembinaan jalanraya.
 D. Pembinaan bangunan dan perubatan.
34. Rajah 17 menunjukkan empat peringkat kejadian gerhana Matahari yang dilihat dari satu kawasan di permukaan Bumi.



Rajah 17

Berdasarkan rajah 17, ramalkan keadaan yang dilihat di kawasan permukaan Bumi yang terlibat selepas peringkat 4?

- A. Suhu kawasan terlibat tidak berubah.
 B. Kecerahan di kawasan terlibat berkurang.
 C. Suhu di kawasan terlibat menjadi sama seperti di peringkat 3.
 D. kecerahan di kawasan terlibat menjadi sama seperti di peringkat 1.
35. Rajah 18 menunjukkan dua jenis objek yang direkapipta untuk mengatasi had keupayaan manusia.




Rajah 18

Apakah prinsip yang diaplikasikan untuk merekapipta alatan pada rajah?


- A. Pantulan cahaya.
 B. Pergerakan cahaya.
 C. Pembiasan cahaya.
 D. Penembusan cahaya terhadap bahan.

36. Rajah menunjukkan seorang budak yang sedang berdiri dalam sebuah sampan yang diikat di tebing sebatang sungai..



Apabila budak itu mengayuh sampan sambil berdiri didapati sampan itu bergolek-golek dengan kuat dan budak itu juga terhoyong-hayang. Apakah yang patut dia lakukan untuk mengatasi keadaan yang disebut?

- A. Teruskan kayuhan.
 - B. Kayuh sambil duduk.
 - C. Kurangkan kelajuan kayuhan.
 - D. Tunggu sehingga tiupan angin berhenti.
37. Rajah 19 menunjukkan sebuah kerusi yang hendak dibaik pulih dengan menambahkan kekuatannya.



Setelah dibuat kerja baik pulih, yang manakah paling kuat?


- A. A chair with a diagonal brace on the backrest.
- B. A chair with a horizontal brace on the seat.
- C. A chair with a vertical brace on the backrest.
- D. A chair with a diagonal brace on the seat.

38. Berikut merupakan maklumat mengenai sejenis mesin ringkas K.

Ita merupakan satu permukaan yang disendengkan dengan kedua-dua hujungnya diletakkan pada ketinggian yang berbeza.

Apakah mesin ringkas K?


- A. Tuas
 - B. Takal
 - C. Satah condong
 - D. Roda dan gandar
39. Rajah 20 sebuah mesin kompleks.



Rajah 20

Apakah mesin-mesin ringkas yang terdapat pada alat di rajah 20?

- A. Gear dan skru.
 - B. Takal dan baji
 - C. Satah condong, baji dan tuas
 - D. Roda dan gandar, gear dan skru.
40. Rajah menunjukkan keadaan sebuah rumah dua tingkat yang sedang dalam proses pembinaan.



Rajah

Apakah alat yang sesuai untuk digunakan bagi mengangkut bahan binaan ke tingkat atas rumah pada rajah?

- A. Kren.
- B. Takal.
- C. Tangga.
- D. Satah condong.